



JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA
ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSIA BIL. 2 /2025

Timbalan Ketua Pengarah Insolvency
Pengarah Insolvency Bahagian
Pengarah Insolvency Negeri
Timbalan Pengarah Insolvency
Penolong Kanan Pengarah Insolvency
Penolong Pengarah Insolvency
Pegawai Insolvency Utama
Ketua Cawangan
Pegawai Insolvency

**GARIS PANDUAN BERHUBUNG HAD PENYIMPANAN AKAUN SIMPANAN DAN
PINDAAN SURAT KELULUSAN MEMBUKA AKAUN SIMPANAN KEPADA
INSTITUSI PERBANKAN DAN BANKRAP**

TUJUAN

1. Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada cawangan mengenai had penyimpanan maksimum akaun simpanan dan pindaan surat kelulusan membuka akaun kepada institusi perbankan dan bankrap.

LATAR BELAKANG

2. Garis Panduan ini hendaklah digunapakai oleh semua cawangan bagi melancarkan urusan pentadbiran kes kebangkrutan yang masih aktif.

3. Garis panduan ini dikeluarkan kerana terdapat perkara-perkara berhubung pentadbiran kes kebangkrapan yang memerlukan penambahbaikan seperti yang berikut :

- 3.1 Penetapan jumlah had maksima penyimpanan dalam akaun simpanan bankrap; dan
- 3.2 Pindaan surat kelulusan membuka akaun simpanan kepada Institusi perbankan dan bankrap

DEFINISI DAN TAFSIRAN

4. Bagi tujuan arahan ini –

- 4.1 “Cawangan” bermaksud semua Cawangan Mdl;
- 4.2 “Ibu Pejabat” bermaksud Bahagian Kebankrapan;
- 4.3 “Pegawai Insolvensi” bermaksud pegawai insolvensi (PI) yang mengendalikan kes-kes kebangkrapan di Cawangan; dan
- 4.4 “Pengarah Insolvensi Negeri” bermaksud Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) atau Ketua Cawangan (KC).

PENETAPAN HAD PENYIMPANAN DALAM AKAUN SIMPANAN BANKRAP

5. Berdasarkan peruntukan subseksyen 85(4) Akta Insolvensi 1967 (Akta 360), adalah jelas Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) mempunyai kuasa budi bicara dalam pentadbiran harta bankrap bagi memastikan kes dapat ditadbir dengan lebih teratur dan lancar.

6. Bahagian Kebankrapan telah diarah untuk membuat kajian dan meneliti keperluan membuat penetapan had penyimpanan atau baki akaun bank bankrap di dalam akaun simpanan.

7. Tujuan had penyimpanan ini ditetapkan supaya pentadbiran kes berjalan dengan lancar dan pembayaran dividen kepada pemiutang dapat dibuat selari dengan

tempoh pentadbiran kes yang semakin pendek iaitu tiga (3) hingga lima (5) tahun berdasarkan Akta 360.

8. Oleh yang demikian, Pihak Pengurusan Tertinggi bersetuju supaya kebenaran membuka / mengaktifkan akaun simpanan adalah tertakluk kepada syarat maksimum penyimpanan sebanyak RM20,000.00 dalam satu-satu masa.

9. Sekiranya pihak bank mendapati baki jumlah akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada KPI selaku pentadbir harta bankrap.

PINDAAN SURAT KELULUSAN MEMBUKA AKAUN SIMPANAN KEPADA INSTITUSI PERBANKAN DAN BANKRAP

10. Seajar dengan perubahan penetapan jumlah had penyimpanan dalam akaun simpanan bankrap, terdapat keperluan untuk membuat semakan semula ke atas surat kelulusan membuka / mengaktifkan akaun simpanan **kepada bankrap** setelah mengambil kira isu / masalah yang timbul apabila bankrap gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan secara teratur sehingga menyebabkan tunggakan ansuran bulanan.

11. Surat kebenaran yang dikeluarkan hendaklah mengandungi syarat-syarat seperti yang berikut :

11.1 Bankrap dikehendaki menjelaskan bayaran sumbangan bulanan dengan teratur dan tiada tunggakan sumbangan bulanan;

11.2 Sekiranya bayaran sumbangan bulanan gagal dilaksanakan melebihi tiga (3) bulan terkumpul, akaun bank tersebut akan dibekukan tanpa sebarang notis;

11.3 sekiranya akaun simpanan sedia ada ditutup, kebenaran membuka akaun simpanan yang baru hanya dibenarkan apabila bankrap menyelesaikan keseluruhan tunggakan bayaran sumbangan bulanan terlebih dahulu; dan

- 11.4** jumlah had maksimum penyimpanan yang dibenarkan hanya sebanyak RM20,000.00 sahaja. Sekiranya pihak bank mendapati baki jumlah akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada KPI selaku pentadbir harta bankrap.
12. Oleh demikian, surat kelulusan membuka akaun simpanan kepada **institusi perbankan** dan bankrap perlu dipinda bagi mencerminkan maksud sebenar syarat kelulusan membuka akaun simpanan tersebut.
13. Surat kelulusan membuka akaun simpanan kepada institusi perbankan dipinda dengan memasukkan arahan seperti yang berikut :
- 13.1** Sekiranya arahan tetap gagal dilaksanakan melebihi tiga (3) bulan terkumpul, akaun bank tersebut hendaklah dibekukan tanpa sebarang notis dan baki kredit hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI); dan
- 13.2** Jumlah had maksimum penyimpanan yang dibenarkan ialah sebanyak RM20,000.00 sahaja. Sekiranya pihak bank mendapati baki jumlah akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada KPI selaku pentadbir harta bankrap.
14. Tindakan penutupan akaun ini perlu bagi tujuan mengesan mana-mana bankrap yang telah melanggar syarat kelulusan menjelaskan bayaran sumbangan bulanan melalui kaedah arahan tetap. Kebenaran membuka akaun yang baharu hanya dibenarkan kepada bankrap yang menjelaskan bayaran sumbangan bulanan dengan kemaskini dan teratur.
15. Cawangan hendaklah menggunakan format surat kelulusan membuka/ mengaktifkan akaun simpanan **seperti Lampiran 2A atau 2B (yang mana berkenaan)** dan format surat kelulusan membuka akaun / mengaktifkan akaun simpanan kepada

bankrap seperti di Lampiran 3 baharu selaras dengan perubahan dan pindaan yang dibuat.

PEMBATALAN / PINDAAN

16. Oleh yang demikian, Arahan Bahagian Kebankrapan melalui e-mel bertarikh 9 Mei 2023 berhubung Pilihan Kaedah Bayaran Ansuran Bulanan adalah tertakluk kepada pindaan format surat kelulusan kepada institusi perbankan di Lampiran 2A dan pindaan format surat kelulusan kepada bankrap di Lampiran 3

KUAT KUASA

Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.



(DATO' ISMAK BIN BAKRI)

Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia

Tarikh: 22-September 2025

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

BORANG PILIHAN KAEDAH PEMBAYARAN ANSURAN BULANAN
(Sila tandakan (x) pada pilihan bayaran)

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO:.....

BER:.....

NO. K/P:.....

NO. INSOLVENSİ :.....

- (i) Bayaran secara tunai di kaunter *
- (ii) Bayaran melalui Arahan Tetap [*standing instruction* (SI)]
- (iii) Bayaran atas talian di <https://e-insolvensi.mdi.gov.my>
- (iv) Bayaran melalui kad debit.

*(bagi amaun RM3,000.00 dan ke bawah sahaja)

AKU JANJI BANKRAP

Saya, _____ No Kad Pengenalan _____,
beralamat di _____ dengan
ini memberi **aku janji** untuk membuat bayaran untuk ansuran bulanan sebanyak
RM _____ sebulan mulai _____ tanpa gagal mengikut cara bayaran
pilihan seperti yang di atas.

Saya juga **bersetuju** untuk potongan bayaran dari akaun simpanan [Arahan Tetap
(*standing instruction*)] (*Untuk pilihan kaedah melalui Arahan Tetap sahaja*).

Ditandatangani dan diserahkan oleh

_____)

tersebut pada

)

Dihadapan saya,

Nama :

Jawatan :

Rujukan Fail : Mdi



Ruj. Kami : (Nyatakan No. Insolvensi INSIST)

Tarikh :

Pengurus

(Nama & Alamat Lengkap Bank)

.....

Tuan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO:

BER :

NO. K/P :

NO. INSOLVENSİ :

NO. AKAUN SIMPANAN :(Bagi akaun sedia ada sahaja).....

**PERMOHONAN MEMBUKA/ MENGAKTIFKAN AKAUN SIMPANAN DENGAN
 PERSETUJUAN ARAHAN TETAP (*STANDING INSTRUCTION*)**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Jabatan ini telah meluluskan permohonan bankrap di atas untuk membuka akaun simpanan individu baharu/ mengaktifkan akaun simpanan individu sedia ada di cawangan tuan.

3. Bagi akaun simpanan individu milik bankrap sendiri (dan bukan akaun bersama) yang sedia ada di cawangan tuan, baki akaun tersebut hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk dikreditkan ke dalam estet bankrap sebelum bankrap dibenarkan mengendalikan akaun simpanan tersebut

4. Selanjutnya, akaun simpanan yang baru dibuka, Jabatan ini tiada halangan untuk bankrap mengendalikan akaun simpanan tersebut.

5. Bankrap di atas juga telah bersetuju untuk membuat Arahan Tetap (*Standing Instruction*) dengan pihak tuan untuk potongan bulanan sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia :)
Potongan bagi Arahan Tetap tersebut hendaklah dibuat setiap bulan kepada Ketua Pengarah Insolvensi mulai (bulan dan tahun) melalui kaedah Interbank GIRO (IBG) tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) akaun simpanan bankrap hendaklah mempunyai wang atau wang yang mencukupi untuk tujuan potongan bulanan oleh tuan kepada Ketua Pengarah Insolvensi;
- (b) sekiranya Arahan Tetap gagal dilaksanakan **melebihi tiga (3) bulan terkumpul**, akaun bank tersebut hendaklah dibekukan tanpa sebarang notis dan baki kredit hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI);
- (c) jumlah had maksima penyimpanan **sebanyak RM20,000.00 sahaja**. Sekiranya pihak bank mendapati baki akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada KPI selaku pentadbir harta bankrap; dan
- (d) tuan tidak mempunyai sebarang tanggungan atau liabiliti untuk memastikan akaun simpanan bankrap mempunyai wang atau wang yang mencukupi untuk potongan bulanan tersebut di atas.

Bersama-sama ini disertakan salinan surat persetujuan daripada bankrap untuk rujukan tuan

6. Berikut merupakan maklumat nama dan nombor akaun Jabatan Insolvensi Malaysia di Affin Islamic Bank Berhad yang perlu digunakan oleh tuan bagi tujuan bayaran tersebut melalui kaedah IBG:

Nama Akaun : INSOLVENSIIBG-FGOM

No. Akaun : 105490007550

Kod item yang perlu digunakan bagi tujuan bayaran sumbangan bulanan bankrap ini adalah **030**.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan boleh menghubungi (Nama PI/ Pegawai Meja) di talian (No. Telefon) dan (Alamat Emel) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama penuh dengan huruf besar)

Pengarah/ Penolong Pengarah Insolvensi Negeri

b.p Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

Emel :

Tel :

s.k :

1. (Nama penuh dan alamat lengkap bankrap)
2. (Nama penuh dan alamat lengkap majikan, jika penjawat awam)

Ruj. Kami : (Nyatakan No. Insolvensi INSIST)
Tarikh :

Pengurus
(Nama & Alamat Lengkap Bank)

.....
.....
.....
.....
.....

Tuan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO:
BER :
NO. K/P :
NO. INSOLVENSİ :
NO. AKAUN SIMPANAN :

PERMOHONAN MEMBUKA/ MENGAKTIFKAN AKAUN SIMPANAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Jabatan ini telah meluluskan permohonan bankrap di atas untuk membuka akaun simpanan individu baharu/ mengaktifkan akaun simpanan individu sedia ada di cawangan tuan.

3. Jumlah had maksimum penyimpanan yang dibenarkan sebanyak **RM20,000.00 sahaja**. Sekiranya pihak bank mendapati baki jumlah akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) selaku pentadbir harta bankrap.

4. Bagi akaun simpanan individu milik bankrap sendiri (dan bukan akaun bersama) yang sedia ada di cawangan tuan, baki akaun tersebut hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk dikreditkan ke dalam estet bankrap sebelum bankrap dibenarkan mengendalikan akaun simpanan tersebut.

5. Selanjutnya, akaun simpanan yang baru dibuka, Jabatan ini tiada halangan untuk bankrap mengendalikan akaun simpanan tersebut.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan boleh menghubungi (Nama PI/ Pegawai Meja) di talian (No. Telefon) dan (Alamat Emel) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Nama penuh dengan huruf besar)
Pengarah/ Penolong Pengarah Insolvensi Negeri
b.p Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia
Emel :
Tel :
Faks :

s.k :

1. (Nama penuh dan alamat lengkap bankrap)
2. (Nama penuh dan alamat lengkap majikan, jika penjawat awam)

Ruj. Kami :

Tarikh :

(Nama & Alamat Bankrap)

.....

Tuan/ Puan,

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO:

NAMA :

NO. K/P :

PERMOHONAN MEMBUKA/ MENGAKTIFKAN AKAUN SIMPANAN

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat tuan/ puan bertarikh

.....

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk membuka/ mengaktifkan akaun simpanan di, Cawangan telah diluluskan tertakluk syarat-syarat seperti yang berikut:

- (a) bayaran ansuran bulanan dikekalkan kepada RM..... sebulan mulai dan dibuat melalui kaedah pilihan seperti di borang pilihan kaedah pembayaran ****Arahan Tetap (*standing instruction*)**/ bayaran atas talian/ bayaran melalui kad debit (****potong mana-mana yang tidak berkaitan**);
- (b) bankrap dikehendaki menjelaskan bayaran ansuran bulanan dengan teratur dan tiada tunggakan ansuran bulanan;
- (c) sekiranya *standing instruction* gagal dilaksanakan **melebihi tiga (3 bulan terkumpul)**, akaun bank tersebut akan dibekukan tanpa sebarang notis;

- (d) sekiranya akaun simpanan sedia ada ditutup, kebenaran membuka akaun simpanan yang baharu hanya dibenarkan apabila bankrap menyelesaikan tunggakan bayaran ansuran bulanan terlebih dahulu;
 - (e) jumlah had maksima penyimpanan sebanyak RM20,000.00 sahaja. Sekiranya pihak bank mendapati baki akaun simpanan bankrap melebihi daripada had penyimpanan yang dibenarkan, baki akaun simpanan tersebut hendaklah diserahkan kepada KPI selaku pentadbir harta bankrap;
 - (f) Tuan/Puan dikehendaki memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap enam (6) bulan dengan melampirkan bersama bukti atau dokumen sokongan tanpa gagal; dan
 - (g) Tuan/Puan dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan ini sekiranya tuan/puan telah bertukar kerja, berhenti kerja atau ditamatkan perkhidmatan.
3. Sekiranya tuan/puan melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan, kelulusan ini akan dibatalkan dengan serta-merta dan sebarang permohonan pada masa depan tidak akan dipertimbangkan lagi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Pengarah Insolvensi Negeri/ Ketua Cawangan

Jabatan Insolvensi Negeri

Cawangan

b.p Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI.....

DALAM PERKARA KEBANKRAPAN NO.

Bernama :

No. K/P :

Ex-parte :

PERSETUJUAN BANKRAP BAGI POTONGAN BULANAN

DARIPADA AKAUN BULANAN

Saya No. Kad Pengenalan.....
dengan ini bersetujuCawangan..... memotong
sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia :.....)
daripada akaun simpanan saya dan dihantar terus ke Jabatan Insolvency Malaysia,
Cawangan.....sebagai bayaran ansuran bulanan untuk estet kebangkrapan
saya mulai bulan

Bertarikh :

.....

(Nama Bankrap)

No. Kad Pengenalan :